

“**I**ni memang sifat saya sejak kecil. Dan tidak ada sebab mengapa saya perlu berubah hanya semata-mata kerana kedudukan saya sekarang. Lagipun saya merasakan organisasi ini dan semua kaki tangan bagaikan keluarga saya sendiri,” katanya terus terang.

Justeru itu sebaik lantikannya setahun yang lalu perkara pertama yang dilakukannya adalah ‘turun padang’ dan mengadakan sesi dialog dengan semua kaki tangan sama ada di ibu pejabat mahu pun negeri. Tujuannya bukan sahaja untuk mendekati dan mendengar idea dan pendapat mereka, tetapi juga mahu mengeratkan silaturahim.

“Saya percaya bahawa sebuah organisasi yang kuat dan berjaya adalah yang mempunyai ikatan ‘jiwa’ yang kuat dan bergerak sebagai satu keluarga. Sebab anggota keluarga tidak akan membiarkan ahlinya yang lain dalam kancas kesusahan. Mereka akan tegak bersatu menentang apa jua rintangan dan badai.”

Sifat kekeluargaan penuh dengan berkasih sayang dan saling menyokong inilah yang cuba diterapkan dalam jiwa semua kaki tangan di bawahnya. Lantaran itu pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasrat mulianya itu dapat direalisasikan. Antaranya ialah mengadakan masa makan bersama-sama.

“Setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat kami sediakan sedikit minum petang untuk semua di kafe. Semua kaki tangan dijemput hadir sebelum pulang ke rumah. Alhamdulillah nampaknya sambutan setakat ini cukup menggalakkan,” katanya dalam nada gembira.

Ditanya mengapa beliau begitu prihatin dengan hubungan sesama kaki tangan, Datuk Zahrah pantas menjawab, “Saya seorang ibu dan saya menganggap kaki tangan seperti anak-anak saya. Justeru saya mahu semua ‘anak-anak’ saya bekerja dalam suasana gembira dan menganggap SSM sebagai rumah mereka. Apabila mereka bekerja dengan gembira, ia pasti memberikan impak yang positif pada organisasi.”

Turun padang

Ternyata batas waktu setahun banyak yang telah dilakukan oleh wanita berusia 57 tahun ini. Bukan sahaja dalam hubungannya dengan kaki tangan, tetapi juga antara SSM dengan rakyat Malaysia. Jika sebelum ini nama SSM kurang mesra di bibir masyarakat, kini sudah semakin ramai yang mengenalinya. Ini adalah hasil usahanya yang tidak mengenal

“Saya percaya bahawa sebuah organisasi yang kuat dan berjaya adalah yang mempunyai ikatan ‘jiwa’ yang kuat dan bergerak sebagai satu keluarga. Sebab anggota keluarga tidak akan membiarkan ahlinya yang lain dalam kancas kesusahan. Mereka akan tegak bersatu menentang apa jua rintangan dan badai.”



jemu memperkenalkan pelbagai program bagi mendekati orang ramai. “Saya dapati walaupun sudah bertahun penubuhannya SSM masih belum begitu dikenali kecuali di kalangan para peniaga. Sebab itu saya dan warga SSM mengambil langkah proaktif untuk mendekati masyarakat.”

Bersama-sama warga SSM yang lain Datuk Zahrah turun padang memperkenalkan SSM, juga bagi menarik lebih ramai peniaga mendaftarkan perniagaan mereka terutama mereka yang berniaga di atas talian.

“Saya tahu ketika mula-mula kami mengumumkan bahawa peniaga atas talian juga perlu mendaftar kan perniagaan mereka banyak yang terkejut dan bising. Ada yang menganggap SSM mahu mengaut untung dan macam-macam. Saya tidak salahkan mereka kerana mereka tidak tahu bahawa perkara ini bukan kami lakukan suka-suka. Tetapi ia termaktub dalam akta.”

Justeru itu Zahrah dan pasukannya turun padang ke serata Negara mengadakan taklimat dan penerangan tentang perkara ini dalam satu program yang dikenali sebagai Karnival ONE (Online Networking Enterprise). Hasilnya kini semakin ramai yang memahami dan jumlah pendaftaran juga semakin meningkat. Kesedaran yang cuba disemai bukan di kalangan peniaga atas talian sahaja, tetapi juga semua peniaga termasuk peniaga pasar malam. “Bagi saya tugas